



Erat perpaduan menerusi riadah santai

PROGRAM Santai@Kuala Lumpur 2023 sempena sambutan Hari Wilayah di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur semalam berlangsung meriah melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dalam acara-acara dipertandingkan.

Antara acara dalam Sukaneka Perpaduan anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu ialah permainan sukan

tradisional seperti terompah gergasi, larian dalam guni dan tarik upih.

Program itu melibatkan kategori Terbuka dan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan menerapkan konsep perpaduan dan hidup kemasyarakatan dalam kalangan warga kota.

Bukan sekadar bersukan, program berkenaan turut

mempromosikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan.

■ **GELAGAT** sebahagian warga kota meluangkan masa bersama keluarga dan rakan dengan menyertai acara Sukan Perpaduan sempena Program Santai@Kuala Lumpur 2023 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam.
- MINGGUAN/AMIR KHALID